



JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK

Tingkat 9 & 10, Bangunan Baitul Makmur II,
Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia
Telefon: 082 - 495959

Faksimili: 082-495800 (Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495801 (Timb. Akauntan Negeri)
Faksimili: 082-495802 (Inspektorat)
Faksimili: 082-495803 (Kumpulan Wang Simpanan / Pencen)
Faksimili: 082-495804 (Pentadbiran dan Sumber Manusia)
Faksimili: 082-495807 (Perancangan)
Faksimili: 082-495808 (Gaji)
Faksimili: 082-495817 (Akaun)
Faksimili: 082-495991 (Pengurusan Dana)
Faksimili: 082-495990 (Hasil)



PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SARAWAK NO. 02/2021

PERKARA: GARISPANDUAN PEMBAYARAN SECARA ELEKTRONIK (ELECTRONIC FUND TRANSFER - EFT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan garispanduan pemprosesan pembayaran melalui kaedah pindahan wang secara elektronik (EFT) bagi Pusat Tanggungjawab yang menyediakan baucar bayaran dan bagi pejabat pembayar (Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak (JPNS) dan Pejabat Perhubungan Sarawak, Kuala Lumpur).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No.3/2016 bertarikh 01 Ogos 2016: Garispanduan Pembayaran Menggunakan Kaedah Perpindahan Wang Secara Elektronik (*EFT: Electronic Fund Transfer*), pembayaran menggunakan kaedah EFT yang melibatkan pembayaran bagi amaun RM10,000.00 dan ke bawah telah dilaksanakan dengan teratur dan lancar.
- 2.2. **Mulai tarikh pekeling ini**, pembayaran melalui EFT untuk semua jenis bayaran akan dilaksanakan **TANPA HAD**.
- 2.3. Berikut adalah prosedur yang harus dipatuhi semua pihak terlibat berhubung dengan kaedah pembayaran ini.

3. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG MENYEDIA BAUCAR BAYARAN

Proses pembayaran ini dilakukan sepenuhnya melalui *State Integrated Financial, Budgeting and Accounting System V.2 (SIFBAS)*. PTJ yang menyediakan baucar bayaran perlu memastikan perkara-perkara berikut:

3.1. Butiran penerima pada *Supplier Set Up* SIFBAS seperti berikut **menepati format/ rekod penerima di bank penerima:**

3.1.1. Nama penerima seperti rekod di bank penerima.

3.1.2. Nama bank penerima dan nombor akaun bank penerima yang terkini dan masih aktif.

3.1.3. Nombor rujukan penerima seperti rekod di bank penerima; iaitu

3.1.3.1. Orang perseorangan

Nombor kad pengenalan atau nombor kad pengenalan Polis /Tentera bagi pegawai polis/tentera atau nombor pasport bagi penerima orang perseorangan yang bukan warganegara.

3.1.3.2. Syarikat, kontraktor, pembekal, pekedai, persatuan, Jawatankuasa dan lain-lain

Nombor pendaftaran yang diberikan oleh pihak bank semasa pembukaan akaun.

3.1.4. Alamat emel penerima bagi membolehkan penerima menerima nasihat bayaran. Bagi penerima yang tiada emel, PTJ perlu memaklumkan penerima berdasarkan maklumat pada Ringkasan Senarai Bayaran.

3.2 Keperluan butiran-butiran lain pada *Supplier Set Up* dalam *Account Payable Module* masih sama dan perlu dilengkapkan.

3.3 Jika terdapat perubahan pada butiran penerima, *Supplier Set Up* dalam *Account Payable Module* hendaklah dikemaskini.

3.4 Bagi pembayaran melebihi RM10,000.00 dalam satu baucar bayaran, baucar bayaran hendaklah disedia, diperiksa dan dibenarkan oleh 3 pegawai berlainan yang diberi kuasa secara bertulis.

- 3.5 Baucar bayaran yang dikemukakan ke Pejabat Pembayar hendaklah dikepilkan bersama dokumen sokongan yang lengkap seperti ditetapkan. Dokumen dalam bentuk salinan (jika ada) hendaklah diakui sah oleh pegawai yang diberikuasa.

4. TANGGUNGJAWAB PEJABAT PEMBAYAR

4.1 PEMBAYARAN EFT

Pejabat pembayar hendaklah memastikan;

- 4.1.1. nasihat bayaran diemel kepada penerima setiap kali pembayaran melalui EFT dibuat.
- 4.1.2. notis pemberitahuan pembayaran EFT yang ditolak oleh pihak bank diemel kepada pegawai yang diberikuasa menyedia baucar bayaran di Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk proses pembayaran semula.
- 4.1.3. pembayaran diberikan nombor EFT yang unik sebagai mekanisme kawalan dan pemantauan.

4.2 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MENYEMAK DAN PEGAWAI MELULUS

Pegawai menyemak dan melulus perlu;

- 4.2.1. memastikan setiap baucar bayaran disemak dan diluluskan berdasarkan dokumen sokongan lengkap seperti ditetapkan. Dokumen dalam bentuk salinan (jika ada) hendaklah diakui sah.
- 4.2.2. memastikan setiap *batch* bayaran pada portal bank adalah seperti pada *Daily Printed EFT Summary Listing* dan dokumen sokongan yang dikemukakan.
- 4.2.3. menyemak status transaksi adalah 'processed' pada ruang *Transaction Status*.
- 4.2.4. menandatangani ringkas dan mencatat tarikh pada senarai *batch* bayaran yang dicetak dari portal bank selepas transaksi diluluskan.

5. PEMBAYARAN MELALUI CEK

Dalam kes-kes tertentu, pembayaran melalui cek masih boleh dilakukan berdasarkan keperluan dan permohonan. Ketua Pejabat yang menyediakan baucar bayaran perlu mengemukakan permohonan bertulis ke pejabat pembayar berserta justifikasi yang kukuh.

6. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **tarikh pekeling ini**. Pekeliling Perbendaharaan No.3/2016 bertarikh 04 Ogos 2016 dengan ini adalah dibatalkan.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila berhubung dengan Jabatan ini di talian 082-495959.

Sekian, terima kasih.

"Tepat Ramah Yakin"

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



(HANNAH ELEAN BINTI MASA'AT)

Akauntan Negeri Sarawak

Rujukan: TRY:301004/Vol.6/17

Tarikh: 19.04.2021

Agihan Kepada : Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
: Peguam Besar Negeri, Sarawak
: Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
: Semua Residen
: Semua Ketua Jabatan
: Semua Akauntan Perbendaharaan Bahagian

Salinan Kepada : Pengarah Audit Negeri, Sarawak

AGIHAN KEPADA:

- 1.. Akauntan Negeri Sarawak
- 2.. Timbalan Akauntan Negeri (Pembangunan)
3. Timbalan Akauntan Negeri (Operasi)
4. Penolong Akauntan Negeri Kanan (Khidmat Perakaunan)
5. Pegawai Tadbir Kanan (Pengurusan Sumber Manusia)
6. Penolong Akauntan Negeri (Operasi Pejabat Perakaunan)
7. Akauntan Kanan (Kepastian Pematuhan & Pengurusan Risiko)
8. Akauntan Kanan (Akaun Amanah)
9. Akauntan Kanan (Saraan)
10. Akauntan Kanan (Bajet & Bayaran)



*sumus pegawai,
gilamellu.*

*8
6/8*